

BULETIN PERPUSTAKAAN



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Jilid 24 Bil. 02 April-Jun 2013

ISSN 1823-4763

ent.library.utm.my

Jasa dan Sumbangan Dalam Ingatan **Syarahan Terakhir Naib Canselor – Y. Bhg. Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang**



Hari Jumaat, 7 Jun 2013 bersamaan 28 Rejab 1434H tercatat antara hari bersejarah UTM kerana hari tersebut merupakan perjumpaan terakhir Y. Bhg. Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang bersama staf UTM sebagai seorang Naib Canselor. Bait demi bait amanat terakhir disampaikan, penuh dengan nasihat, petunjuk, kata-kata hikmah berbau semangat menjulang, diselangi kata-kata mencuit hati dan sesekali disapa perasaan sayu.

Menurutnya, 'Untuk berjaya kita kena belajar dan buat sendiri', dan itulah yang beliau lakukan. Dato' Seri Zaini menterjemahkan himpunan pengalaman beliau selama 30 tahun di UTM dalam bentuk 10 Pengajaran yang telah dipelajarinya untuk dikongsi bersama.

Dato' Seri Zaini dalam ucapannya berkongsi sejarah hidup beliau sepanjang 30 tahun di UTM, bermula sebagai pelajar dan akhirnya menjadi pemain utama membina model UTM. Beliau percaya apa yang dipelajarinya selama tempoh itu lebih penting dari apa yang telah beliau capai.

Pertama, halangan yang paling mudah adalah bagi menjadi profesor. Untuk menjadi profesor, berilah tumpuan penuh kepada tugas dan jalankan tanggungjawab ini sebagai ahli akademik secara profesional. Kedua, hidup sihat membawa kepada kehidupan yang produktif, berupaya mengawal tekanan dan akhirnya mampu menjadi ketua yang baik. Ketiga, pengiktirafan di peringkat global adalah penting dan mampu diperolehi bagi membuktikan integriti dan penerimaan masyarakat luar. Untuk menjadi lebih hebat, UTM perlu berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan di peringkat global dan perlu memastikan pengiktirafan ini adalah dari institusi terkemuka seperti dari MIT, Imperial College, Harvard dan sebagainya. Ini bagi memastikan pengiktirafan ini adalah berintegriti dan tidak menimbulkan sebarang keraguan. Keempat, kurangkan bercakap, lakukan sahaja (Just Do It). Menurut beliau, melakukan kerja lebih sukar dari bercakap. Teruslah bekerja dengan gigih kerana suatu hari pasti usaha itu akan diiktiraf. Pengajaran kelima, sasaran perlu tinggi, berani dan boleh dilakukan. Kata beliau, 'Ketika kita membuat sasaran, ia mengaktifkan minda, kuasa keinginan, kualiti kepimpinan dan semua di sekeliling kita akan ikut bekerja keras'.

Keenam, transformasi bagi masyarakat Melayu adalah lebih mudah melalui pemberian kuasa yang boleh dibuat melalui tiga perkara iaitu dengan memberi pendidikan, kesedaran (perubahan minda) dan pelbagai tugas untuk dilaksanakan. Setiap tugas yang diberi perlu dilaksanakan dan apabila ianya telah dicapai, kemajuan seterusnya perlu dirancang. Dari itu amat penting menyediakan pelan penggantian yang jelas bagi organisasi.

Bersambung di mukasurat 5



Inside this Issue

Jasa dan Sumbangan Naib Canselor P.1,5,6; Scopus P.3;
Online Databases Latest Info P.6; New Library Portal Preview P.6;
Kaedah Merujuk Tesis di PRZS P.8; Moving Forward Through New Library Applications P.8;
Perpustakaan 'Go Green' P.8

Assalamualaikum wmt.wbk. and Salam Sejahtera

Alhamdulillah we meet again in this issue of Buletin Perpustakaan. The UTM Libraries supports student learning and discovery by providing access to scholarly information resources and by fostering the knowledge and critical skills required to discover and use these resources effectively.

Increasingly, academics and researchers seek access to scholarly information in electronic format. The Library provides extensive print collections and a vast range of digital materials including substantial background of journals, archival material and electronic books, as well as online exhibitions of material from its own collections.

We hope that all students and researchers will make use of this as they immerse themselves in various learning and research activities during the next few years. There are many useful and interesting things you can do in the Library and we hope that we will be your companion whenever you pursue your learning and research activities.

This year we hope our information service will increase in quality and user satisfaction. Do connect with us and help us serve you better.

Happy reading and have an informative year ahead.

Editorial

Patron : Kamariah Nor Mohd Desa

Editor-In-Chief : Noraziah Sharuddin

Editor : Salina Shamshuri

Editorial Team :

Mohd Razib Karno, Syahrana A. Raqi, Nazrinda A. Samah, Junaidah Abdullah

Circulation : Kartini Ibrahim, Mohd. Firdauz Kusnin

Photography : Wan Jamal Wan Hasan

Web : <http://portal.psz.utm.my/psz/>

This bulletin provides an overview of some of the ways the UTM Libraries can help you to achieve your teaching and research goals.

Copyright © 2013



Bengkel RDA Beri Pendedahan Piawai Baru Pengkatalogan

Dalam usaha Perpustakaan meningkatkan hasil kerja yang dijalankan, Perpustakaan mengorak langkah mengadakan Bengkel Resource Description and Access (RDA) yang merupakan satu piawai baru untuk rujukan pengkatalogan bahan di zaman perkembangan teknologi maklumat kini. Bahan-bahan perpustakaan merupakan sumber maklumat yang khusus dan penting bagi penyediaan perkhidmatan maklumat yang baik dan berkesan kepada pelanggan. Bagi tujuan mengakses bahan dengan mudah dan berkesan, bahan-bahan ini perlu dikelaskan menggunakan skim pengkelasan yang mengikut piawaian dan mudah difahami. Sehubungan dengan itu, Perpustakaan UTM telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Bengkel RDA yang telah diadakan pada 2 hingga 4 April 2013 dengan penceramah jemputan, Cik Salmah Salleh iaitu seorang bekas pensyarah di Fakulti Pengajian Maklumat, UiTM Shah Alam.

RDA merupakan satu kerangka yang fleksibel untuk mendeskripsikan sumber-sumber digital. Data-data mudah disesuaikan dengan struktur pangkalan data, lebih efisien dan sesuai dengan cantuman yang telah ada dalam katalog perpustakaan dalam talian. RDA dibangunkan atas landasan Anglo-American Cataloguing Rules (AACR) dan merupakan panduan untuk deskripsi (resource description) dan akses yang meliputi semua jenis sumber di dunia digital.

Quote's of the Day

"The will to win, the desire to succeed, the urge to reach your full potential... these are the keys that will unlock the door to personal excellence".
~ Confucius

"The secret of getting ahead is getting started".
~ Mark Twain

How do I analyse and understand my Scopus search results quickly and easily?

The SciVerse Scopus 'Analyze Results' tool provides you with helpful graphic and table displays of your search results at the click of a button.




Figure 1




Figure 2




Figure 3




Figure 4




Figure 5




Figure 6

When you enter your search and go to the search results window, look for and click on the 'Analyze results' button near the upper left corner. (Figure 1)

Notice that you have 7 possible selections, each offering different metrics (Figure 2). Each tab offers different insight into your search results and provides dynamic tools to help contextualise information using the: Year; Source title; Author name; Affiliation name; Country; Document type; Subject area.

Starting with the first tab 'Year' you will find a chart for the 'Document Count by Year' which is helpful for visualising trends in total output related to your query. (Figure 2)

The next tab, the Source Title tab, charts Document count by Journal per Year. This can be used to help you decide the best journal to submit a manuscript to. Please note that this only shows growth in publications and does not show journal quality. (Figure 3)

By clicking on 'Compare journals in Journal Analyzer' (Figure 3) you can connect to another Scopus tool 'Journal Analyzer' to compare journal quality. Here you find two journal metrics, SCImago Journal Rank (SJR), and Source-Normalized Impact

Per Paper (SNIP). SNIP measures a journal's performance using citations weighted by average frequency of citation per field while SJR weighs scores by the relative prestige of the journals that cite the journal being analysed. (Figure 4)

In addition to SJR and SNIP there are tabs for the number of citations the journal receives per year, the number of papers it publishes, the number of papers not yet cited, and the percentage of all papers that are review articles. (Figure 4)

Moving on to the Author name tab, we find a graph of the number of documents per author. You can adjust this display by easily adding or removing authors using the checkboxes on the right hand side of the screen. You can analyse metrics for individual authors by selecting the author's name in the table on the right. (Figure 5)

Clicking on "Affiliation name" provides a graph of the number of documents per Affiliation.

The Country tab graphs the number of documents per Country. The Document type tab graphs the number of documents by Document Type. (Figure 6)

Latest Info



Summon@UTM is a single, unified index that returns a single, unified set of results - allowing users to effectively search and navigate across the Library's online database titles.



UTM Online Databases One Stop Search
SUMMON@UTM

Easily discover the world of library content

Advanced Search

Online Databases Access via EZproxy

Subscribed online databases titles are only accessible to UTM Library registered members to search and download subscribed online databases content. Please login using your matrix card barcode (username) PIN Code (password) or ACID @ ISID Account.

Information Literacy Skills Classes @ UTM Libraries

The library actively promotes the 'Information Literacy Skills Classes' to all students to help improve the quality of teaching and learning, as well as create awareness in information literacy. Learning in University requires students to be more proactive, positive and independent to tackle the more challenging courses compared to in school. Each student must be self-reliant in seeking additional information apart from that provided by the lecturers in the lecture rooms.

The information searching skills acquired by students can greatly assist the students in finding additional information as required and much more. Students who attend the information searching skills classes will have the extra capability to exploit the library facilities and services in support of their learning process.


All students are encouraged to enroll and attend the skills classes which are offered at certain periods of each academic session. The classes will expose students to the facilities and environments within the library as well as the use of computers for information searching. The skills learned will be beneficial not only for studies but also your future careers. Students are also advised to familiarize themselves with the library and learn to use the facilities systematically.

The skills classes conducted include:

- Basic Library Skills Class
- Advanced Library Skills Class (for final year undergraduates)
- Information Searching Skills (as a Co-Curriculum subject, UQKD1211)

For Postgraduates, various programs in the form of group training, workshops and briefings are periodically scheduled for the purpose of providing library and electronic research skills. The following are the workshops and classes conducted:

- Research Methodology Workshop (ULP101)
- Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)
- Workshops on Endnote
- Demonstrations on selected databases



Classes are taught by well-trained librarians who are knowledgeable in teaching library skills. Information on the Literacy Skills Classes is available in the library.

Syarahan Terakhir Naib Canselor UTM

Sambungan dari mukasurat 1

Ketujuh, output akademik adalah budaya cetak bukan lisan. Budaya cetak bergantung kepada pembacaan dan mengandungi tiga elemen penting iaitu penanggungjawab, kandungan bahan dan cara kita memperolehi. Pesan beliau, 'Sebagai ahli akademik, kita hendaklah membangun dan meningkatkan budaya penulisan'. Kelapan, prestasi adalah intipati (DNA) bukan nombor atau kelayakan atas kertas. Kelayakan menurut definisi Dato' Seri Zaini ialah intipati (DNA) yang terdapat pada seseorang merangkumi pelbagai ciri yang menjadikannya boleh dipercayai, dihormati dan sangat membantu bukan ditakuti atas kuasa yang ada. Kesembilan, tiada penglibatan tiadalah komitmen. Beliau menyarankan agar perbincangan sentiasa dibuat. Penglibatan bersama meningkatkan komitmen untuk bersama-sama mematuhi ketetapan yang telah dibuat.





10 lessons @UTM

- **The easiest hurdle:** to become a professor
- **Healthy living,** productive life
- **Global recognition,** alliances
- **Don't preach, just do it**
- **Aim:** high, bold and doable
- **Malays:** transform easier by empowerment, than instruction or subsidy
- **Academic output:** Print, not oral culture
- **Performance:** Essence (DNA), not numbers or paper credentials
- **No involvement, no commitment**

Copyright UTM 2013
www.utm.my innovative • entrepreneurial • global

Akhir sekali adalah prinsip-prinsip inovasi. Terdapat enam prinsip inovasi yang perlu dijadikan panduan iaitu pertama, menentukan perkara yang perlu diberi tumpuan secara spesifik. Kedua, keuntungan yang bakal diperolehi. Ketiga, juara perlu dicari di kalangan staf yang mampu menjalankan tugas tersebut. Jangan sesekali menghukum juara, tetapi bangun mereka kerana tiada sesiapa yang serba sempurna. Juara bukan saja di kalangan staf tetapi juga para mahasiswa. Keempat, lakukan sahaja. Ketika kita melakukan sesuatu tugas, kita akan belajar kaedah untuk mempertingkatkan. Kesalahan sepatutnya menjadi pemangkin untuk kita cuba menjadi lebih baik pada setiap kali. Kelima, memberi kuasa mengikut hirarki bagi membolehkan kita cepat bergerak ke hadapan dan yang keenam, untuk maju kita perlu sentiasa peka dan mendengar maklumbalas.

Dalam perjumpaan terakhir ini juga, Dato' Seri Zaini turut memberi garis panduan penting bagi menjamin kecemerlangan UTM di peringkat tempatan dan global. Barisan peneraju UTM mestilah mempunyai strategi yang tepat dan jelas di samping elemen-elemen lain yang mantap seperti budaya, amalan, sistem serta persekitaran pembelajaran yang sentiasa ditambahbaik dari masa ke semasa. Hasil daripada penilaian Audit Universiti Penyelidikan baru-baru ini, UTM diiktiraf mempunyai struktur organisasi yang efisien dan baik sehingga wajar dicontohi oleh universiti lain sekaligus memudahkannya bergerak maju ke depan kerana pendekatan bijak dalam program penyelidikan universiti.



1983-2013 @ UTM

1983 UTM Student B.Chemical Engineering	1984 Heart Surgery Kuala Lumpur Hospital	2010 Turus III Pegawai Tadbir & Diplomatik
1988 Assistant Lecturer A Faculty of Civil Engineering	1992 Married Zainah Moktar	1990-91 Newcastle University Student M.Sc. Environmental Engineering
1993-96 Newcastle Univ Student PhD	1997-98 Special Officer Minister of Education	2004-6 Vice-President International Water Association
2006-7 Dean Chem & Nat. Resources Eng	2007-2008 Deputy VC	1999-2006 Deputy & Director Inst of Water & Env Mgmt
	2009 Merdeka Award	2008-13 VC

Copyright UTM 2013

Sehubungan dengan itu, beliau sangat menekankan pentingnya mewujudkan DNA UTM secara kolektif. Setiap perancangan mesti dibuat dengan bijak dan teratur bagi mengelak pembaziran masa, wang dan tenaga dengan penglibatan pelbagai peringkat staf mengikut agihan tugas yang bersesuaian. Penambahbaikan kerja dari masa ke semasa amat perlu di samping amalan baik di antaranya *standard operating procedure*, gaya hidup, *endowment*, dan kerja berpasukan wajar dibudayakan oleh semua warga UTM. Akhirnya budaya ini menjadi intipati kepada DNA UTM di mana ia mampu memberikan impak yang tinggi, reputasi serta pengiktirafan yang baik daripada pihak luar.



6 ABCDEF innovation principles

A Area of concern	D Do it! Do it!
B Benefits	E Empowerment
C Champions	F Feedback

Copyright UTM 2013
www.utm.my innovative • entrepreneurial • global



From planning to institutional DNA

PLAN what?	
IMPLEMENT how?	IMPROVE how?
HABIT individual	
CULTURE people	Artifacts, thinking, systems, SOP, rituals, teamwork, life style, endowment, etc
DNA essence	

Copyright UTM 2013
www.utm.my innovative • entrepreneurial • global

Bersambung di mukasurat 6

Syarahan Terakhir Naib Canselor UTM

Sambungan dari muka surat 5

Menurut Dato' Seri Zaini lagi, berdasarkan DNA tersebut, UTM mesti mempunyai halatuju yang jelas, berstrategi dan budaya kerja berprestasi tinggi. Untuk itu, *New Academia* menjadi fokus agar ia dapat direalisasikan dengan kerjasama semua staf yang berperanan sebagai *global players* dalam bidang dan kemahiran masing-masing. Pelaksanaan akan lebih mudah dan teratur dengan gaya kerja yang cekap, berintegriti, bermuafakat dan kolektif oleh staf yang produktif, gembira bekerja, sihat dan berdaya tahan. Sasaran untuk menjadikan UTM sebagai satu jenama bertaraf dunia, pada kedudukan ke 20 di kalangan Universiti terhebat dunia dengan pengurusan kewangan sendiri yang kukuh menjelang tahun 2030 merupakan indikator penting menunjukkan UTM sentiasa berkembang. Perkembangan UTM boleh terjejas jika tiada sefahaman dan kerjasama yang baik di kalangan staf sendiri. Oleh itu, menjaga nama baik UTM merupakan tanggungjawab bersama.



Dato' Seri Zaini turut menjelaskan secara ringkas sasaran Universiti pada tahun 2020 merangkumi beberapa perkara. Antara lain ialah pensyarah yang mempunyai PHD, harta intelek, peratusan pelajar pasca ijazah, ISI impact factor dan pendapatan universiti. Berdasarkan penilaiannya, Dato' Seri Zaini percaya bahawa UTM boleh mencapai sasaran tinggi yang telah ditetapkan dan berupaya mengatasi universiti terkemuka dunia. Program transformasi wajar diperkukuhkan lagi dan diperbaiki dari masa ke semasa dengan penggunaan semua sumber secara optimum.

Key Performance Indicator (KPI) 2008-2013 UTM jelas menunjukkan pencapaian yang menggalakkan sehingga hampir menyamai kedudukan universiti terbaik dunia. Pencapaian ini menarik minat institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa untuk mengetahui pendekatan yang dilaksanakan oleh UTM. Berkaitrapat dengan kejayaan UTM ini, *Key Amal Indicators* (KAIs) dijadikan kayu

pengukur penting prestasi universiti dalam aspek penerbitan, penyelidikan, program pasca ijazah, harta intelek dan elemen-elemen dalam universiti penyelidikan dijadikan petunjuk ke arah universiti bertaraf dunia. Petunjuk yang tidak kurang pentingnya seperti kerja berpasukan, ukhuwah, budaya ilmu, integriti, semangat bekerja, keusahawanan, ketaqwaan dan amal soleh dilihat sebagai penjana DNA dan penyumbang keberkatan bagi mendapat syurga Allah.




**Terima kasih Y. Bhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang
dari seluruh warga Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia**



The new library portal is more informative and is designed so that patrons can conveniently access information from across UTM libraries.

The following are features of the new portal:

- A search menu that allows users to search multiple sources and multiple catalogues from a single search box.
- The ability to search portal pages using a single search box.
- A page for each information on library/archive/special collection that includes library services, research librarians, maps, amenities (printers, rooms, headphones, etc.) and collection highlights.
- Perpetual navigation and unified look and feel.
- Bread crumb navigation so users can see where they are on any given site page.
- The ability to highlight news about collections, events and Library community members.
- Information on Library programs and initiatives, research support, news, etc... All in a single place.



Kaedah Merujuk / Mohon Tesis di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS)

Tesis Sarjana Muda bagi tahun 2003 dan tahun kebelakang telah dipindahkan ke PRZS. Terkini koleksi tesis yang masih ada di Bilik Tesis adalah bagi tesis sarjana muda bagi tahun 2004 hingga kini dan tesis sarjana dan PHD.

Tatacara Permohonan Tesis

1

Semak di katalog perpustakaan untuk pastikan tesis sarjana muda bagi tahun 2003. Sekiranya pengguna ingin merujuk tesis yang terdapat di PRZS, sila isi borang hijau.

2

Lengkapkan borang hijau. Pengguna dimaklumkan mengenai tempoh masa adalah 3 hari bekerja.

3

Pihak Perpustakaan akan merujuk dengan pihak PRZS untuk memohon staf PRZS bagi pencarian bahan. Sekiranya bahan telah ada pihak PRZS akan maklum kepada Perpustakaan untuk proses pengambilan.

4

Pengambilan tesis -Pengguna semak borang hijau di kotak tesis di Meja Pertanyaan, sekiranya permohonan telah dibekalkan, pengguna perlu bawa borang hijau ke bilik tesis.

5

Peminjaman tesis dilakukan seperti amalan biasa.


Moving Forward Through New Library Applications



BookMyne™ makes it quick and easy to access your UTM Library on the go! Search your library's catalog, download items, manage your account, and find suggested reading instantly with your Android & Apple mobile device.

Top Features

Search your library catalog: Search for items by title, author, subject, or general keyword and place holds on interesting items.



MY LIP

My Library in Pocket is an android apps that can be plug in easily to your Smartphone. Information about the UTM Library can be accessed and viewed at any time, anywhere through your mobile. You can check for your loan and status in a comfortable mobile screen. Latest information about the library and their services also included.

Perpustakaan "Go Green"

Pada 18 April 2013 yang lalu bertempat di Bilik Seminar 3 Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Johor Bahru telah berlangsung Program Perkongsian Ilmu dengan tajuk "Campus sustainability: empowering new culture" yang telah disampaikan oleh Prof. Dr. Zainuddin Abdul Manan, Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Dr. Irina Safitri Zen, Ketua Unit Kampus Pelestarian manakala program dipengerusikan oleh Prof. Ir. Dr Wahid Omar, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

Program pada petang itu membincangkan mengenai pelestarian terutama di kampus UTM dalam kegiatan pengurusan kampus lestari serta meminimalkan kesan negatif aktiviti Universiti terhadap alam sekitar, ekonomi, sosial dan kesihatan yang terhasil daripada penggunaan sumber-sumber semasa aktiviti yang dijalankan. Perpustakaan juga telah meningkatkan usaha-usaha ke arah 'Green Campus' melalui beberapa inisiatif yang dikenalpasti dan usaha perkongsian maklumat ini adalah salah satu darinya. Diharap dengan adanya program seperti ini dapat menambah ilmu serta pengetahuan warga UTM khususnya di samping berkongsi maklumat antara satu sama lain.

